

09 JUN 2004

Parlimen-Islam

SIDANG DEWAN KECOH APABILA KIT SIANG PERSOALKAN M'SIA NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Tindakan Ketua Pembangkang Lim Kit

Siang mempersoalkan perisytiharaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam

menghangatkan persidangan Dewan Rakyat apabila berlaku pertikaman lidah

antara beliau dengan beberapa penyokong kerajaan.

Ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntungan Semula

Peruntukan Perbelanjaan) 2004 pada peringkat jawatankuasa Lim

mempertikaikan perisytiharaan yang dibuat bekas Perdana Menteri Tun Dr

Mahathir Mohamad pada 2001 bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Beliau berkata berdasarkan perlembagaan dan kontrak sosial, Malaysia

ialah sebuah negara demokrasi sekular dengan agama rasminya adalah agama

Islam dan oleh itu negara ini tidak boleh dianggap sebagai negara Islam

atas apa jua ciri atau perisytiharaan.

Kit Siang juga mempertikaikan mengapa ketua kerajaan harus terdiri

daripada kalangan orang Islam sedangkan di negara lain yang mendukung

demokrasi seperti India, Perdana Menterinya kini adalah daripada golongan

kaum minoriti.

Tindakan ketua pembangkang itu menerima teguran daripada Timbalan Yang

Dipertua Dewan Datuk Lim Si Cheng yang meminta Kit Siang supaya membahaskan

soal perbekalan tetapi tidak dihiraukannya.

Kit Siang berkali-kali menegaskan bahawa Malaysia tidak boleh dianggap

sebagai negara Islam berpandukan kepada perlembagaan negara dan kontrak

sosial dan sebarang perisytiharaan atau hasrat untuk menjadikan Malaysia

sebagai negara Islam sebagai sesuatu yang menyalahi perlembagaan.

"Jika pemerintahan dan pertahanan negara dipegang oleh orang Islam

adakah orang bukan Islam di Malaysia bukan manusia?" tanya beliau.

Pada peringkat ini berlaku pertikaman lidah dengan beberapa penyokong

kerajaan seperti Datuk Amiruldin Badruddin (BN-Jerai), Datuk Bung

Mokhtar  
Radin (BN-Kinabatangan), Datuk Zaid Ibrahim (BN-Kota Bharu) dan  
Idris Haron  
(BN-Tangga Batu).

Amiruldin dan Bung Mokhtar kemudian membangkitkan peraturan  
mesyuarat  
terhadap kata-kata yang dikeluarkan Kit Siang tetapi tidak  
dihiraukan oleh  
ketua pembangkang itu.

Kenyataan Kit Siang itu turut menarik minat Salehuddin Ayub  
(PAS-Kubang  
Kerian) yang menjelaskan bahawa Pas menyatakan hasratnya untuk  
menubuhkan  
sebuah negara Islam hanya setelah mendapat sokongan rakyat sedangkan  
Umno  
telahpun mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam.

Kit Siang kemudian berkata daripada segi realitinya rakyat  
Malaysia  
lebih takut dengan idea penubuhan kerajaan Islam Pas daripada  
persiytiharaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dibuat oleh  
kerajaan pimpinan Umno.

--BERNAMA

AKT AKT BK